

# Negara Islam

Selain daripada sifatnya sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, dan sebuah negara agama, maka negara Islam itu mestilah pula dia sebuah negara hukum dan berperlembagaan, sebagaimana yang dijelaskan di dalam makalah ini:

## Negara Hukum

Berkurun-kurun lamanya terjadi perbahasan hebat di kalangan ahli-ahli falsafah kenegaraan tentang soal kedaulatan, adakah kedaulatan hukum yang mesti berkuasa ataukah kedaulatan negara.

Kedaulatan hukum yang berkuasa menimbulkan bentuk negara yang dinamakan “negara hukum”.

Tetapi sebaliknya, kalau “kedaulatan negara” yang berkuasa, bererti menerima bentuk negara yang bernama “negara kekuasaan”.

## Ketentuan Islam

Agama Islam sudah menentukan pilihannya semenjak lebih dari 13 kurun yang lalu kepada bentuk negara hukum. Sebelum lagi hal ini dipersoalkan, bahkan sebelum ahli undang-undang kenegaraan di Eropah zahir di dunia, berkurun-kurun sebelum itu Islam sudah mengambil ketetapan bahawa hukumlah yang mesti berkuasa setinggi-tingginya dalam negara.

Berturut-turut dalam 24 ayat di dalam kitab suci

al-Qur’ān, soal ini dinyatakan oleh Allah ‘azza wa jalla, mulai dari ayat 27 hingga ayat 50, dalam Surah *al-Mā'idah*.

Dicelanya dengan keras suatu negara yang tidak di dasarkan kepada hukum, yang hanya diatur menurut kemahuan seorang atau segolongan, yang mempermain-mainkan nasib berjuta-juta rakyat dengan tidak adanya hukum yang semestinya dijunjung bersama. Di dalam al-Qur’ān disuruhnya pilih manakah yang lebih disukai: Negara yang memakai hukum jahiliyyah seperti demikian, ataukah negara hukum yang diredai oleh Allah? Mulai dari ayat 27 hingga ayat 40, ia menetapkan beberapa hukum jenayah yang besar-besar. Misalnya ayat-ayat 27 hingga ayat 32 menetapkan hukum jenayah “perbunuhan”, dengan membuka sejarahnya dari pembunuhan pertama kali yang dilakukan oleh putera Nabi Adam kepada saudara kandungnya, kemudian pula sejarah kaum Bani Israel. Kemudian ayat 33 dan 34 hukuman terhadap kejahatan merompak dan merampas. Ayat 38, 39 dan 40, hukuman terhadap kejahatan “mencuri”. Kemudian beralih pula kepada ayat 45 yang menetapkan hukum “*qisās*”, iaitu hukuman balas terhadap segala kejahatan menyerang orang lain, seperti memotong hidung, mencungkil mata, menanggalkan gigi dan sebagainya.

Dalam ayat 41, 42 dan 43 Allah *subhānahu wa ta'ālā*, menunjukkan bahayanya negara yang tidak berdasarkan hukum, hanyalah berpedoman kepada kitab-kitab bohong yang dibisikkan orang (*sammā 'ūna lilkadhibi*), dan tidak malu memakan harta rakyat dengan jalan yang tidak sah (*akkālūna lilsuḥti*). Maka dalam ayat 44, 45, dan 47 ditetapkan negara-negara yang tidak berdasarkan hukum ialah negara-negara yang berbahaya, sebagaimana yang akan diterangkan kelak.

Akhirnya dalam ayat 48, 49 dan 50, diberilah kata pasti, supaya memegang kekuasaan negara dengan hukum, bukan dengan kemahuan seseorang atau sesuatu golongan sahaja. Perbuatan demikian, dinamakan “hukum Jahiliyah”, negara biadap yang bermaharajalela.

Demikianlah negara Islam di dalam pilihannya untuk mendirikan negara hukum. Dimulai dengan beberapa hukum dalam perkara-perkara jenayah sebagai undang-undang negara yang wajib dijalankan, dan di akhirnya dengan menetapkan bahawa negara-negara yang tidak berdasarkan hukum ialah negara biadab, negara jahiliyah terhadap negara-negara itu Allah ‘azza wa jalla memberinya nama-nama:

“Dan siapa (negara) yang tidak mendasarkan hukum dengan barang yang diturunkan Allah, maka mereka ialah (negara) kafir” (ayat 44).

“Dan siapa (negara) yang tidak mendasarkan hukum dengan barang yang diturunkan Allah, maka mereka ialah (negara) zalim” (ayat 45).

“Dan siapa (negara) yang tidak mendasarkan hukum dengan barang yang diturunkan Allah, maka mereka ialah (negara) fasik” (ayat 47).

Ada tiga perkara yang bakal terjadi kepada negara-negara

yang tidak mempunyai dasar hukum, iaitu:

1. Negara kafir, bererti negara anti tuhan dan musuh bagi segala agama, seperti kerajaan firaun di Mesir tua dahulu.
2. Negara zalim, bererti negara diktator yang bermaharajalela dan tidak berhakim kepada rakyat, seperti negara-negara fasis Mussolini dan Nazi Hitler.
3. Negara fasik, bererti negara yang kacau bilau pemerintahannya, yang pemerintahnya tidak sanggup menjamin keamanan.

### **Negara Perlembagaan**

Sudah menjadi lazim, bahawa apabila disebut negara hukum maka akan tersebutlah pula negara perlembagaan. Tiap-tiap negara *modern* pada zaman ini, menjadikan perlembagaan punca segala hukum dan segala peraturan dalam negara.

Di dalam ayat-ayat (Surah al-Nisā’) ada dinyatakan supaya berlaku taat kepada Allah dan Rasul, dan juga kepada *Ūlī al-Amr*. Taat kepada Allah dan Rasul, bermakna taat kepada hukum-hukumnya, manakala taat kepada *Ūlī al-Amr* pula, bermakna taat kepada hukum undang-undang yang digubal oleh *Ūlī al-Amr* itu, iaitu perlembagaan.

Kalau kita menyelidiki perlembagaan sesebuah negara, tidaklah cukup hanya dengan menyelidikinya sefasal demi sefasal, dan bukan sahaja dikehendaki mempelajari bagaimana sejarahnya dan bagaimana tiap-tiap kalimah dari perlembagaan itu digubal, tetapi juga hendaklah diambil berat tentang bagaimana amalan yang dijalankan dari

fasal demi fasal itu, dan hendaklah juga diketahui akan bāṭan perlembagaan itu. Tidak dapat disamakan di antara amalan dan isi bāṭan perlembagaan Amerika dengan Perancis umpamanya, walaupun bunyi perkataannya bersamaan. Tiap-tiap negara mempunyai keistimewaan yang tersendiri dalam soal ini.

Di dalam negara Islam, ada lagi keistimewaannya yang lain yang tidak ada pada segala negara yang lain. Bukan sahaja dikehendaki mengambil berat tentang sejarah dan gubalan tiap-tiap kalimah yang terkandung dalam perlembagaannya, dan bukan sahaja dikehendaki mengambil berat tentang amalan dan isi bāṭannya, tetapi negara Islam selain daripada hukum perlembagaan yang menjadi punca bagi undang-undang perlembagaan, masih ada lagi hukum yang lebih tinggi dan mengatasi semuanya, iaitu hukum Allah *'azza wa jalla*. Hukum ini ialah punca bagi segala punca, yang menjiwai segala hukum, segala undang-undang dan segala perbuatan yang diadakan dalam negara.

Jika kita mengambil kesimpulan, maka hukum-hukum yang berkuasa dalam negara Islam, adalah seperti berikut:

1. "Hukum Abadi", yang sifatnya am, tidak boleh diubah-ubah, ialah hukum yang datang daripada Allah *'azza wa jalla*, yang dinamakan "hukum Ilahi". Hukum ini ada yang mengenai susunan masyarakat (siasah pergaulan dan iqtisād), mengenai kehakiman (awam dan jenayah), dan keagamaan. Segala hukum yang sudah ada dalam "hukum abadi" adalah menjadi punca bagi segala undang-undang dan peraturan yang lainnya, ertinya semuanya mestilah disesuaikan dengan dia.

2. "Hukum dasar", yang sifatnya khas, boleh

berubah-ubah, iaitu hukum yang dibuat oleh manusia sendiri, yang dinamakan "hukum nazari". Hukum inilah yang digubal oleh *Ūlī al-Amr*; wakil-wakil rakyat di dalam berbagai-bagai tingkatannya.

Al-Qur'ān al-Karīm kitab suci Islam ialah "hukum abadi" yang menjadi punca segala punca, bersama-sama hadis Nabi.

Untuk membentuk sebuah negara Islam tidaklah cukup dengan mengatakan undang-undang dasarnya ialah Qur'ān dan Sunnah, (tetapi mestilah ada perlembagaan yang digubal oleh *Ūlī al-Amr*; yakni oleh wakil-wakil rakyat – P).

Dengan adanya kedua-dua bahagian baharulah menepati perintah Allah Ta'ālā yang bermaksud: "Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul-nya dan *Ūlī al-Amr* dari antara kamu."

Dengan ini nyatalah bahawa negara Islam ialah negara perlembagaan, negara yang mempunyai undang-undang dasar.

### **Membentuk perlembagaan**

Bagaimanakah cara terbentuknya perlembagaan ini?

Seluruh dunia telah mempunyai dua contoh yang besar sekali:

1. Bentuk peraturan Amerika dan Perancis, iaitu negara-negara yang mempunyai undang-undang sudah disusun menjadi perlembagaan (*Constitution*).

Perlembagaan Amerika yang pertama diisytiharkan pada 4 Julai 1775 dengan bentuk "*Declaration of Right*" (Perisytiharan hak-hak dasar), diisytiharkan di tengah-tengah gelora pemberontakan rakyat menentang penjajahan Inggeris. Setelah itu dalam kongres yang pertama yang dipimpin oleh George Washington pada tahun 1787 terbentuklah

perlembagaan Amerika yang lengkap, yang diakui oleh 13 buah negara yang bersekutu. Demikian pula perlembagaan Perancis diisytiharkan pada bulan Ogos 1789 dalam pergolakan pemberontakan rakyat yang terkenal (1789-1793).

Perlembagaan yang lengkap telah diisytiharkan pada tahun 1795.

Perlembagaan yang berbentuk secara Amerika dan Perancis inilah yang banyak terpakai di seluruh dunia pada masa ini.

## 2. Bentuk peraturan Inggeris, iaitu negara

tidak mempunyai perlembagaan yang tersusun dan termaktub seperti negara-negara lain yang berperlembagaan, tetapi dia mempunyai surat-surat keterangan dan perisytiharan negara yang sama kuatnya dengan perlembagaan. Mulai dari “*Magna Carta*” yang bertarikh 15 Jun 1215, “*Petition of Right*” (1628), “*Habeas Corpus Act*” (1689) “*Act of Settlement*” (1707) dan (1800), sehinggalah kepada “*Reform Bill*” yang berulang kali diubah dari tahun 1832 – 1885. Dengan mempunyai perisytiharan yang beradat istiadat turun temurun itu, darjat negara Inggeris sebagai negara yang berperlembagaan tidaklah kurang dari negara-negara lain yang berperlembagaan.

### **Yang manakah hendak diturut?**

Jalan manakah yang sebaiknya diturut oleh sesebuah negara Islam? Mempunyai perlembagaan yang teratur dan termaktub undang-undanganya, atautah cukup dengan perisytiharan-perisytiharan yang sama kuatnya dengan perlembagaan itu?

Dalam hal ini agama Islam tidaklah mengikat, asal sahaja mendapat persetujuan dari *Ūlī al-Amr* (wakil-wakil rakyat) di dalam negara itu sendiri. Syarat mutlak

ialah negara mestilah berdasarkan undang-undang, dan undang-undang mestilah pula ditetapkan oleh *Ūlī al-Amr*. Kalau Undang-undang boleh berlaku dengan persetujuan *Ūlī al-Amr* dan dengan hanya perisytiharan-perisytiharan dan adat istiadat yang turun temurun (tidak termaktub), maka negara itu sudah juga memenuhi perintah taat kepada *Ūlī al-Amr*, dan bererti juga negara itu berperlembagaan menurut kaedah atau cara peraturan Inggeris sebagaimana yang telah diterangkan tadi.

### **Contoh dari negara Islam dahulu**

Bagaimanakah amalan yang telah berlaku dalam kerajaan-kerajaan Islam dahulu? Mereka juga memakai cara yang dipakai oleh negara Inggeris, iaitu tidak ada perlembagaan yang tertulis, tetapi ada perisytiharan-perisytiharan dan adat istiadat yang sama kuatnya dengan perlembagaan, seperti perisytiharan-perisytiharan dari mazhab-mazhab agama yang mereka pegang di dalam ilmu fiqh, yang di dalamnya memang lengkap dengan hukum-hukum untuk negara, apalagi di dalam soal umum dan jenayah.

Ada kerajaan-kerajaan yang memegang teguh hukum-hukum dari mazhab Malīkī, seperti kerajaan-kerajaan Islam Afrika Utara dan di Semenanjung Sepanyol, ada pula yang memegang mazhab Hanbalī seperti kerajaan Wahhābī di Semenanjung Arab, demikian juga ada yang memegang mazhab Hanafi seperti kerajaan Uthmaniyah Turki dahulu; ada pula yang memegang mazhab Shafī‘ī seperti halnya Mesir, bahkan ada pula yang memegang mazhab Zaidiyyah (Shī‘ah) seperti kerajaan Yaman. Kedudukan hukum dari tiap-tiap mazhab dalam masing-masing negara itu sama kuatnya dengan kedudukan hukum perisytiharan-perisytiharan negara menurut kaedah Inggeris, bahkan sama juga dengan kedudukan perlembagaan dalam tiap-tiap negara yang memakai kaedah Amerika.

(Dari buah kalam al-Ustādh Zainal Abidin Ahmad)